



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

KOMITMEN ANTARABANGSA PASTIKAN KESEJAHTERAAN OKU

SERDANG, 17 November – Kerajaan terus komited dan prihatin terhadap pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) yang turut menjadi agenda penting negara dengan memperuntukkan sejumlah RM 94.1 juta bagi memastikan program-program di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga turut memberi komitmen yang tinggi di peringkat antarabangsa bagi memastikan kesejahteraan OKU terpelihara dengan merealisasikannya dengan meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak OKU pada 19 Julai 2010.

“Komitmen Kerajaan di peringkat antarabangsa terus direalisasikan melalui sokongan terhadap deklarasi Dekad Baru OKU di peringkat rantau Asia dan Pasifik (***New Asia and Pacific Decade of Persons with Disabilities***) bagi tempoh **2013 – 2022** dan menerima pakai **10 matlamat** dalam ***Incheon Strategy: Make The Real Right*** yang menekankan usaha-usaha yang perlu diambil bagi memperjuangkan hak OKU di rantau Asia dan Pasifik.

Oleh itu, OKU juga haruslah merebut peluang dan lebih berusaha dalam membangunkan potensi diri kerana ketidakupayaan bukanlah faktor penghalang utama untuk membentuk diri menjadi lebih maju dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya ketika merasmikan Konvensyen Transformasi PDK Kebangsaan 2016 di sini hari ini.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dato' Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan YBhg Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sementara itu, beliau turut berkata, Malaysia selaku tuan rumah telah berjaya menganjurkan persidangan antarabangsa iaitu *2nd CBR World Congress 2016* secara bersama antara KPWKM dengan CBR Network Malaysia serta Majlis Pemulihan Malaysia sehingga berjaya menarik penglibatan seramai 1,500 peserta di peringkat antarabangsa dan tempatan.

Jelasnya, melalui persidangan tersebut telah mencapai beberapa resolusi iaitu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan penglibatan Pertubuhan Sukarela

yang berasaskan OKU bersama pihak kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan PDK di peringkat tempatan, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Keberkesanan persidangan ini telah berjaya melibatkan entiti kerajaan serta swasta untuk turut serta mengambil inisiatif dalam memastikan persekitaran komuniti, informasi dan program dijalankan dalam bentuk inklusif berlandaskan prinsip reka bentuk sejagat seterusnya mempromosikan pendayaupayaan OKU, ahli keluarga, dan penjaga untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti OKU di peringkat komuniti, katanya lagi.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18,
No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya.
No.Telefon : 019-233 3110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 17 November 2016